

UMS pencetus usaha pembangunan masyarakat dalam alam sekitar

UB 9.10.13 A3

Oleh **S.CONNIE PEARL SUIL**
utusanborneokk@gmail.com

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) terpilih sebagai pencetus dalam usaha pembangunan masyarakat melalui pendekatan 3R dan Alam Sekitar.

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata pelantikan Recycle Community Malaysia (RCOMM) Borneo Centre terhadap Expert Team UMS itu disambut baik oleh pihak universiti.

“Saya yakin pelbagai program dan perancangan bagi tahun 2014 yang disediakan oleh pihak RCOMM akan memberikan manfaat dan kebaikan kepada semua pihak.

“Usahasama ini juga akan memberi peluang besar kepada pelajar UMS untuk menyertai program penglibatan terus bersama komuniti,” katanya ketika kempen kesedaran sisa elektronik (E-Waste), di sini kelmarin.

Teks ucapannya disampaikan oleh Dekan Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat UMS, Prof Madya Dr Rosalam Sarbatly.

Katanya menerusi gabungan kolaborasi hebat RCOMM, badan bukan kerajaan (NGO) dan UMS menerusi kempen sisa elektronik dengan satu matlamat, sudah pasti mendapat penyertaan masyarakat secara besar-besaran.

Menurutnya program kempen kesedaran ini adalah sebagai salah satu langkah permulaan kepada pelajar untuk menimba ilmu serta membuka peluang bagi melatih diri dalam penglibatan kerja-kerja sukarelawan.

“Eco Campus telah dilancarkan pada Februari lepas dan bersedia untuk menjalinkan kerjasama erat dengan RCOMM Borneo dalam menjalankan aktiviti yang pasti akan memberikan impak besar kepada UMS,” katanya.

Harun berkata kerjasama RCOMM Borneo dengan Expert Team itu juga bakal mengangkat UMS ke peringkat global.

Turut hadir, Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar, Datuk Seri

Masidi Manjun, Setiausaha Agung RCOMM, Miza Pawan Chik dan tetamu kehormat yang lain.